



**KETUA PENGARAH  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

Aras 5, Setia Perkasa 4  
Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 WP PUTRAJAYA

: +603-8886 5082  
 : +603-8889 2351  
 : [www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my)  
 : [jkkp.kp@mohr.gov.my](mailto:jkkp.kp@mohr.gov.my)

Ruj. Kami: JKKP BC 127/789/1 Klt 18 (19)

Tarikh : 26 Mei 2026

## EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

YBrs. Ir. / Ts. / Dr. / Tuan / Puan,

### **PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KERJA PEMBINAAN) (REKA BENTUK DAN PENGURUSAN) 2024 [PERATURAN CDM 2024]**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 (Peraturan CDM 2024) telah berkuat kuasa pada 1 Jun 2024 sebagai sebahagian daripada kerangka perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara bagi industri pembinaan.

3. Setelah mengambil kira maklum balas industri melalui beberapa siri bengkel dan sesi libat urus yang telah diadakan serta tahap kesiapsiagaan pemegang kewajipan terhadap kefahaman dan pematuhan kehendak peraturan ini, pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah memutuskan untuk melanjutkan pendekatan penguatkuasaan secara

berfasa melalui “*Soft Enforcement*” bagi **Bahagian II** dan **Bahagian III**, **Peraturan CDM 2024** sehingga pada **1 Januari 2027**. Manakala bagi **Bahagian IV** dan **Bahagian V**, **Peraturan CDM 2024** masih dikekalkan bagi tindakan penguatkuasaan sepenuhnya oleh pihak JKPP.

4. Sehubungan dengan itu, bermula pada **1 Januari 2027**, semua pemegang kewajipan yang tertakluk di bawah Peraturan CDM 2024 hendaklah memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap tanggungjawab dan peranan masing-masing termasuk dalam aspek pelantikan pemegang kewajipan, penyediaan maklumat prapembinaan, perancangan keselamatan dan kesihatan, penyelarasan kerja pemegang kewajipan, pengurusan risiko di peringkat reka bentuk serta penyediaan dokumen berkaitan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan CDM 2024.

5. Sepanjang tempoh “*Soft Enforcement*” tersebut, pendekatan Jabatan akan memberi penekanan kepada bantuan pematuhan, khidmat nasihat, sesi libat urus teknikal, semakan dokumen, arahan penambahbaikan serta peningkatan kapasiti pihak berkepentingan terutamanya industri pembinaan. Selaras dengan pendekatan ini, Panduan Penyediaan Dokumen CDM yang dijangka siap pada Julai 2026 adalah diharapkan dapat berperanan sebagai rujukan utama bagi membantu pihak industri menyediakan dokumen CDM dengan lebih jelas, seragam dan sistematik. Hal ini seterusnya akan menyokong pelaksanaan Peraturan CDM 2024 secara berfasa, praktikal dan tersusun sebelum penguatkuasaan penuh dilaksanakan.

6. Semua pemegang kewajipan adalah diharapkan dapat menggunakan tempoh pelanjutan ini bagi mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan pematuhan terhadap kehendak peraturan tersebut. Kerjasama dan perhatian

**PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
(KERJA PEMBINAAN) (REKA BENTUK DAN PENGURUSAN) 2024 [PERATURAN CDM 2024]**

---

YBrs. Ir. / Ts. / Dr. / Tuan / Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Pekerja MADANI Kesuma Bangsa”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(Ir. Ts. HAJAH HAZLINA BINTI YON)**

Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

Kementerian Sumber Manusia

*sk.bktb*

s.k:

Salinan fail JKPP BC 127/789/1 Klt 18 (19)

## **SENARAI EDARAN**

1. Ketua Pengarah,  
Jabatan Kerja Raya Malaysia,  
Menara Kerja Raya (Blok G),  
Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin,  
50480 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
emel: roslanis@jkr.gov.my
  
2. Pejabat Ketua Eksekutif CIDB Malaysia  
Tingkat 11, CIDB 520, The MET Corporate Towers  
No. 20, Jalan Dutamas 2,  
50480 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
emel: nurzulaiha@cidb.gov.my
  
3. Presiden,  
Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia  
(REHDA), Wisma REHDA, 1st Floor,  
No. 2C, Jalan SS5D/6, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
emel: info@rehdainstitute.com
  
4. Presiden,  
Lembaga Arkitek Malaysia (LAM),  
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50582 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
emel: info@lam.gov.my

5. Ketua Eksekutif,

Lembaga Jurutera Malaysia (BEM),  
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50582 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
emel: noramil@bem.org.my

6. Presiden,

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (BQSM),  
Aras 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin,  
50582 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
emel: info@bqsm.gov.my

7. Presiden,

Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM),  
Suite 20-9, Level 20, Menara 1MK,  
No. 1, Jalan Kiara, Mont Kiara,  
50480 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
emel: sec@acem.com.my

8. Presiden,

The Institution of Engineers, Malaysia (IEM),  
Bangunan Ingenieur, Lot 60/62,  
Jalan 52/4, Peti Surat 223 (Jalan Sultan),  
46720 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
emel: sec@iem.org.my

9. Presiden,  
Association of Consulting Architects Malaysia (ACAM),  
D6-3A-13A, Level 3A, Bangunan Perdagangan D6,  
Jalan Sentul, Sentul Selatan,  
51000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
emel: info@acam.org.my
  
10. Presiden,  
Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM),  
99L, Jalan Tandok, Bangsar,  
59100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
emel: info@pam.org.my
  
11. Presiden,  
Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM),  
3rd Floor, Bangunan Juruukur, 64 & 66, Jalan 52/4,  
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
emel: secretariat@rism.org.my
  
12. Pengarah Eksekutif,  
Master Builders Association Malaysia (MBAM),  
Lot 92404, Persiaran Harmoni, Putra Heights, 47650 Subang  
Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
emel: ed@mbam.org.my

13. Presiden,  
Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM),  
No. 26, Jalan 3/3c, Sri Utara Business Park,  
68100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
emel: pkmm.hq@gmail.com
  
14. Presiden,  
Association of Construction Project Managers Malaysia (ACPM),  
219, Jalan S2B10, Uptown Avenue,  
70300 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.  
emel: secretariat.acpm@gmail.com